

Inspira^{Inside}

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتربية والتعليم

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 28: 12 Ogos 2024

Basikal sumbang pingat emas pertama UPSI di kejohanan SUKUM ke-45

UMS Sabah, 11 Ogos - Kem atlet UPSI seramai 60 orang yang bertanding untuk tujuh acara di Kejohanan SUKUM kali ke-45 menerima berita gembira apabila pasukan berbasikal UPSI menghadirkan sebutir pingat emas pertama buat kontingen UPSI pada hari kedua perlumbaan basikal bagi kategori senior lelaki.

Muhammad Khairul Izwan bin Mohd Basri yang dikenali dengan panggilan KIB, juga merupakan *drummer* di Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP) menceriakan kem UPSI yang turut disaksikan oleh Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff dan juga Pendaftar, Encik Helmi Zaifura bin Abdul Rahman. KIB mendominasi sepanjang perlumbaan di hari pertama dan kedua. Beliau meninggalkan pelumba kedua dibelakangnya dengan perbezaan catatan masa terkumpul 1.10 minit.

Kejayaan ini mengubat sedikit luka di kem basikal dan juga buat pelumba prolifik UPSI, Ahmad Ritaudin bin Hamzah kerana gagal mengekalkan pingat emas yang dimenangi di kejohanan SUKUM ke-44

di UPM. Sedikit kesilapan yang dilakukan pada perlumbaan hari pertama menyebabkan beliau gagal menerima sebarang pingat walaupun berjaya menduduki tempat ke-2 pada hari kedua perlumbaan yang hanya dibezakan satu saat dibelakang pemenang pingat gangsa dari pasukan USM. Ini merupakan kegagalan pertama beliau sejak penyertaannya di SUKUM 2016 di USIM.

Naib Canselor yang ditemui selepas penyampaian pingat kepada pemenang, amat berharap dengan pingat emas yang dimenangi oleh pasukan berbasikal ini mampu untuk menyuntik semangat kepada atlet lain yang akan bertanding dan seterusnya mampu mencapai sasaran pingat yang telah ditetapkan oleh pihak universiti. Selain acara berbasikal, UPSI turut menyertai enam acara sukan yang lain iaitu tenis, olahraga, petanque, ping pong, dart, dan golf. Ketika berita ini ditulis UPSI menambah satu lagi pingat emas melalui acara olahraga melalui Dr. Mohamad Rozi bin Kasim dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang menyertai acara lari 1500 meter. Kejohanan SUKUM kali ini dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula 9 hingga 17 Ogos 2024.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Bengkel resolusi ini juga melibatkan perbincangan

pembaziran serta risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.


Penganjuran program ini secara tidak langsung dapat merapatkan ukhuwah dalam kalangan Majlis Pegawai Integriti dan Majlis Penasihat Undang-undang Universiti Awam disamping mencari solusi terbaik dalam menghadapi dan menangani isu-isu berbangkit di universiti

Bengkel ini disertai oleh peserta dari pelbagai jabatan dari beberapa universiti

Tujuan utama bengkel ini dianjurkan adalah untuk meningkatkan pengetahuan penyelidik dalam pendrafan paten seterusnya membolehkan mereka merancang penyelidikan dengan matlamat untuk

memperoleh paten.

Dua pegawai pemeriksaan paten dari Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) telah dijemput untuk mengendalikan bengkel ini dan memberikan panduan dan latihan secara langsung kepada peserta. Dalam ucapan penutupnya, Penasihat Undang-undang UPSI, Puan Salwati Mohd Aris, berharap agar bengkel ini telah memberi manfaat kepada para peserta. Beliau turut menyatakan hasrat untuk menjadikan bengkel ini sebagai acara tahunan bagi UPSI.



**Tanjong Malim, 10
Ogos** - Kemenjadian
mahasiswa bukan
sahaja diukur dari
aspek pencapaian
akademik tetapi turut
merentasi spektrum
penilaian yang lebih
luas dan inklusif.
Bahagian Hal Ehwal
Pelajar
(BHEP) Universiti
Pendidikan Sultan Idris
(UPSI) mengambil
langkah proaktif
dengan
membangunkan

satu protokol yang komprehensif dan holistik untuk memetakan aktiviti-aktiviti mahasiswa UPSI. Sistem yang dikenali sebagai CHAMP (Comprehensive and Holistic Activity Mapping Protocol) telah dibangunkan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan Universiti berjumlah RM9,905.00. CHAMP merupakan

integrasi aplikasi web dengan platform SMBU UPSI dilancarkan pada tahun 2021, mengklasifikasikan kluster aktiviti pelajar kepada enam iaitu kepimpinan, keusahawanan, sukan dan kecergasan, kebudayaan dan kesenian, pengembangan teknologi dan kesukarelawan.

